

Mahathir - Peruncit

PERUNCIT KECIL PERLU CEBURI PERNIAGAAN BERMUTU TINGGI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata masyarakat peruncit kecil di negara ini, khususnya di kota-kota besar, perlu menceburi perniagaan bermutu tinggi sesuai dengan pemodenan masyarakat sekarang dan tahap pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, mereka perlu membuat penyesuaian dengan cara hidup yang lebih mewah dan lebih peka kepada keperluan dan kehendak pengguna yang lebih mewah itu.

"Adalah merugikan jika kita menguruskan perniagaan yang rendah nilainya di kawasan yang mewah dan mahal," katanya ketika merasmikan Kompleks Pemas Sogo dan pelancaran Sogo Pemas Departmental Store di Jalan Tuanku Abdul Rahman, di sini.

Katanya, pertambahan penduduk, terutama di bandar-bandar besar, dengan kemewahan baru yang ada pada mereka menyebabkan kedai-kedai runcit kecil tidak mampu lagi memenuhi keperluan masyarakat moden.

Ini kerana amalan berkunjung dari sebuah kedai ke sebuah kedai lain untuk mencari keperluan harian yang dikehendaki sehingga terpaksa merayau-rayau di bandar tidak lagi praktikal, katanya. -- Lagi.

▼18/01/11-19MST

CNS8325

R GB 18-01 00131 BA452

aab

Mahathir - Peruncit 2 Kuala Lumpur

Oleh itu, Dr Mahathir berkata, dengan mengadakan pusat-pusat membeli-belah atau gedung-gedung besar, yang dapat membekal hampir setiap keperluan pelanggan, ia sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah hidup moden di kota raya.

Perdana Menteri berkata, para peniaga kecil mungkin terjejas dengan kewujudan gedung-gedung besar itu tetapi mereka mestilah berupaya menyesuaikan diri dengan keadaan baru berkenaan.

Katanya, kehadiran kompleks-kompleks membeli-belah itu sebenarnya membuka peluang perniagaan baru dan meningkatkan nilai aset mereka.

"Mereka sama sekali tidak akan kerugian. Malahan jika mereka sanggup mengubah cara, mereka akan memperolehi manfaat yang besar daripada perubahan cara hidup yang dibawa oleh pembangunan," katanya.

Bagaimanapun penyesuaian dengan cara hidup yang lebih mewah bukanlah bermakna mereka mesti sombong dan angkuh, katanya. -- Lagi

▼18/01/11-22MST

CNS8513

U GB 18-01 00100 BA464

aab

Mahathir - Peruncit 3 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga mengingatkan peruncit-peruncit tempatan supaya sentiasa mementingkan keuntungan jangka panjang dan tidak mencari keuntungan jangka pendek dengan menjual pada harga yang mahal khususnya kepada pelancong.

Mereka juga perlu belajar mempertingkatkan kepakaran dan cara-cara perniagaan peruncit asing bagi meningkatkan kecekapan mereka.

"Kita berharap pada satu hari kelak gedung-gedung perniagaan Malaysia pula akan dibuka di negara-negara asing," kata Perdana Menteri.

SOGO ialah antara rangkaian pasar raya terbesar di dunia dengan mempunyai gedung di Asia dan Eropah. -- Bernama

AZG NMO